



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI
BILANGAN 10 TAHUN 2022**

**PEMINDAHAN PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KIMPALAN DENGAN
KEPUJIAN DARI FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN DAN
MEKATRONIK (FTKPM) KE FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
DAN AUTOMOTIF (FTKMA)**

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera.

Kepada semua pelajar program Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian

Berkuat kuasa 1 Oktober 2022, Mesyuarat Senat Universiti Ke-198 Bil. 8/2022 yang bersidang pada 25 Julai 2022 telah bersetuju untuk memindahkan program Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian yang berada di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) ke Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA).

Sehubungan itu, segala urusan berkaitan akademik bagi pelajar program ini akan diuruskan di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) bermula dari tarikh berkenaan. Sebarang permasalahan atau kemusykilan yang timbul berkaitan akademik, para pelajar boleh menghubungi Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) untuk mendapatkan bantuan dan penerangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

5 Oktober 2022